

# Jangan terlalu bergantung kepada sumbangan

**Kuala Lumpur:** Setiap pelajar diingatkan agar tidak terlalu bergantung dengan bantuan yang disediakan oleh pihak universiti, sebaliknya perlu mengambil inisiatif sendiri seperti menjalankan perniagaan atau bekerja sambilan.

Tokoh Pendidikan Negara, Prof Emeritus Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata selain bantuan, pelajar juga perlu memikirkan mengenai pekerjaan yang boleh menjana pendapatan, bagi membantu mereka untuk meneruskan kehidupan di kampus.

Beliau berpendapat, pelajar tidak boleh dimanjakan dengan sumbangan yang diberikan, sebaliknya perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan kewangan untuk pengajian dan per-

belanjaan mereka.

"Jika universiti terlalu banyak memberi bantuan kemungkinan besar mereka akan lemah dan malas kerana terlalu bergantung kepada sumbangan."


"Inisiatif seperti bekerja sambil belajar bukan saja boleh meraih pendapatan, malah dapat memantapkan disiplin diri, masa dan kemahiran insaniah," katanya kepada BH Varsiti, baru-baru ini.

Beliau berkata, daripada pengalamannya hanya terdapat kira-kira 20 peratus saja pelajar di universiti yang memerlukan sumbangan.

"Dengan jumlah yang tidak begitu besar, universiti boleh menyediakan bantuan pekerjaan kepada pelajar seperti melakukan



[FOTO HIASAN]



Prof Sahol Hamid

kerja pencetakan di pejabat, penyelidikan, mengumpulkan data tertentu kerana perkara ini sudah lama diperlakukan universiti di luar negara.

"Terdapat universiti di luar negara menawarkan pekerjaan mencuci tandas kepada pelajarnya. Saya tidak rasa perkara ini membebangkan kerana wang atau gaji yang diperoleh boleh membantu menyara kehidupan

pan mereka di universiti," katanya.

## Kurang dana

Sementara itu, Ketua Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Wan Azman Saini Wan Ngah, berkata saban tahun dana yang diperoleh universiti semakin berkurang, sekali gus sumbangan yang diberikan kepada pelajar juga akan berkurang.

Disebabkan itu beliau mencadangkan universiti perlu menyediakan modul khusus perniagaan dalam talian kepada pelajar.

Ini berikutnya, katanya, pendekatan itu tidak memerlukan modal yang begitu besar seperti sewaan tapak dan peralatan lain untuk memulakan sesuatu perniagaan berbanding memberi ruang atau gerai berniaga yang dilihat agak remeh untuk mahasiswa.

**Walaupun menerima bantuan zakat** daripada UPSI, Muhammad Abdul Samat Mat Hussin (kiri) tetap berniaga untuk mendapatkan pendapatan sampingan.

"Teknik pengurusan, kemahiran dan permulaan perniagaan perlu didekah supaya mereka tidak hanyut dalam dunia perniagaan sehingga melupakan akademik."

"Universiti juga perlu memantau untuk memastikan ia berjalan lancar dan mendapat keuntungan sekali gus memberi duit poket untuk pelajar terbabit menjalani kehidupan sepanjang pengajian di kampus," katanya.